

DIALOG TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)

Keselamatan rakyat bukan sahaja dipastikan terpelihara melalui KPI-KPI dilaksanakan tetapi KDN turut mengorak langkah merencana inisiatif keselamatan yang diimpikan oleh rakyat pada masa hadapan melalui pelaksanaan Dialog TN50 Kluster Keselamatan. Dialog pertama kali diadakan oleh KDN dan rakan strategik iaitu Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur pada 15 September 2017 dengan penyertaan seramai lebih kurang 1,300 orang mewakili Majlis Belia Malaysia, Persatuan Penduduk & Rukun Tetangga, Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Persatuan Pelajar IPTA/IPTS, Persatuan Pengguna, NGO wanita dan kanak-kanak dan sebagainya.

Sebanyak 163 aspirasi berkaitan keselamatan telah berjaya dikumpul dalam dialog yang dihoskan oleh YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri. Antara aspirasi yang menarik

adalah cadangan mewujudkan kelas pencegahan jenayah di sekolah dan supaya satu undang-undang digubal untuk bertindak sebagai sistem sokongan terhadap mangsa jenayah dan warisnya sebagaimana undang-undang disediakan Kerajaan untuk menguruskan pelaku jenayah.

Seterusnya Dialog TN50 Kluster keselamatan yang sekali lagi dihoskan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri dilaksanakan pula di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 24 Oktober 2017 dengan kehadiran seramai 2,350 para belia daripada pelajar pelbagai universiti dan persatuan telah berjaya mengumpul sebanyak 140 aspirasi.

Antara cadangan aspirasi yang dikemukakan termasuklah supaya dipelbagaikan kaedah bagi membantu *survival* bekas banduan untuk kembali kepada masyarakat dan dicadangkan inisiatif *modern policing* diperkuatkkan dengan pembelian dan perkakasan aset berteknologi tinggi.

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri ketika menyampaikan ucapan mengenai Transformasi Nasional 2050 (TN50) - Kluster Keselamatan yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia, Serdang.